



## **GARIS PANDUAN HIBURAN MELIBATKAN PERTUNJUKKAN PENTAS**

### **1. ASAS RUJUKAN**

Garis Panduan ini berasaskan kepada Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1995 Pindaan 1998 dan 2001 dan Peraturan-peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Selangor ) 1996

### **2. KEPERLUAN PENTAS**

2.1 Pentas hendaklah berada pada kedudukan yang sesuai.

2.2 Kekukuhan pentas adalah tanggungjawab pihak penganjur.

### **3. BUTIRAN-BUTIRAN DIPERLUKAN**

Pihak penganjur dikehendaki membekalkan pihak Majlis dengan maklumat berikut :

3.1 Orang-orang yang terlibat dalam penganjuran program ini.

3.2 Penganjur perlu memberikan salinan surat kebenaran daripada Polis sebelum surat kelulusan dikeluarkan.

3.3 Orang-orang yang mengambil bahagian dalam persembahan di dalam program ini.

3.4 Susunan pengisian program ini meliputi aturcara, skrip, lagu dan deraf ucapan.

3.5 Jangkaan kehadiran pengunjung atau penonton.

**4. KETERTIBAN ARTIS/ PENGHIBUR**

- 4.1 Artis atau penghibur perlulah dari kalangan artis yang mempunyai rekod peribadi yang baik.
- 4.2 Ikon artis yang mempunyai rekod buruk seperti terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan perlakuan buruk adalah dilarang.
- 4.3 Pakaian artis perlulah sopan dan tidak menjolok mata samada sebelum, semasa atau selepas persembahan.
- 4.4 Tiada artis wanita dibenarkan.
- 4.5 Peserta atau artis perlu berkelakuan dan berpakaian sopan.
- 4.6 Tiada unsur-unsur negatif diketengahkan oleh artis semasa membuat persembahan.
- 4.7 Pihak penganjur dikehendaki menyediakan kawalan keselamatan yang secukupnya untuk mengelakkan ketidaktenteraman awam daripada berlaku.

**5. KAWALAN BUNYI**

- 5.1 Pihak penganjur dikehendaki mengawal kadar bunyi sepanjang program ini pada kadar yang sesuai.
- 5.2 Tahap bunyi hendaklah tidak mengganggu penduduk berdekatan secara keterlaluan.
- 5.3 Jenis muzik yang digunakan adalah dari jenis yang boleh diterima oleh masyarakat. Muzik jenis heavy metal, rock adalah dilarang.

**6. KAWALAN PENGUNJUNG**

- 6.1 Pihak penganjur digalakkan menyediakan kawalan keselamatan kepada pengunjung.
- 6.2 Pihak pengunjung perlu dikawal tidak mengganggu persembahan dan pengunjung yang lain.
- 6.3 Membawa masuk atau meminum minuman keras atau bir adalah dilarang.
- 6.4 Pengunjung yang mabuk hendaklah tidak dibenarkan berada di kawasan persembahan.

**6.5** Penampilan pengunjung perlu dikawal meliputi pakaian, keadaan fizikal dan peralatan-peralatan lain.

**6.6** Pengunjung tidak dibenarkan berpakaian menjolok mata, kotor, membawa senjata atau apa-apa peralatan yang boleh membawa bahaya.

### **7. ARAHAN MAJLIS**

**7.1** Kelulusan dan syarat-syarat ini tertakluk kepada arahan daripada pegawai-pegawai Majlis dari semasa ke semasa.

**7.2** Kelulusan boleh dibatalkan atau ditarik balik sekiranya :

- a) Berlaku pelanggaran kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- b) Tidak mematuhi arahan bertulis atau lisan dari pihak Majlis.
- c) Dibatalkan oleh pihak Majlis atas sebab-sebab tertentu terutama demi kepentingan ketenteraman awam.

### **PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Bahagian Perlesenan  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan  
Majlis Daerah Kuala Langat